



31 Julai 2020
31 July 2020
P.U. (A) 222

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 7) (PINDAAN) (NO. 4) 2020

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 7) (AMENDMENT) (NO. 4) REGULATIONS 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN)
(NO. 7) (PINDAAN) (NO. 4) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 7) (Pindaan) (No. 4) 2020**.

Peraturan baharu 4A

2. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 7) 2020 [*P.U. (A) 181/2020*] dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 4 peraturan yang berikut:

“Kawalan pergerakan di dalam Negeri Sarawak

4A. (1) Hendaklah ada kawalan pergerakan di dalam Negeri Sarawak bagi tempoh mulai 1 Ogos 2020 hingga 14 Ogos 2020 seperti yang berikut:

- (a) seseorang boleh bergerak di dalam mana-mana zon, dari satu tempat ke suatu tempat yang lain; dan
- (b) tiada seorang pun boleh bergerak dari satu zon ke suatu zon yang lain kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pegawai polis yang menjaga balai polis yang paling hampir dengan kediaman orang itu.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “zon” ertinya Zon Merah, Zon Kuning atau Zon Hijau sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak.”.

Dibuat 30 Julai 2020
[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/III]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (MEASURES WITHIN
INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 7) (AMENDMENT) (NO. 4) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(2) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 7) (Amendment) (No. 4) Regulations 2020**.

New regulation 4A

2. The Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 7) Regulations 2020 [*P.U. (A) 181/2020*] are amended by inserting after regulation 4 the following regulation:

“Control of movement within the State of Sarawak

4A. (1) There shall be control of movement within the State of Sarawak for the period from 1 August 2020 to 14 August 2020 as follows:

- (a) a person may move within any zone, from one place to another place; and
- (b) no person shall move from one zone to another zone except with prior written permission of the police officer in charge of the police station nearest to the residence of such person.

(2) For the purposes of this regulation, “zone” means Red Zone, Yellow Zone or Green Zone as determined by the Director of Health, State of Sarawak.”.

Made 30 July 2020
[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/III]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Minister of Health